

**TERMA DAN SYARAT CIMB BANK & CIMB ISLAMIC BANK BERHAD Yang Diguna
Pakai Bagi Program Insentif Kad Debit CIMB – TESCO MDF**

Kempen

1. “Program Insentif Kad Debit CIMB – TESCO MDF” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad 197201001799 (No. Syarikat 13491-P) (“**CIMB Bank**”), CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H) (“**CIMB Islamic**”) dan Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat 521419-K) (“**Tesco**”) dan berlangsung dari 16 Julai 2020 hingga 15 Okt 2020, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic dengan ini hendaklah secara bersama dirujuk sebagai (“**CIMB**”).
2. CIMB berhak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu.

Kriteria Kelayakan

3. Tertakluk kepada Terma Dan Syarat di dalam ini, Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Debit sedia ada dan baharu (“**Peserta Layak**”).
4. Kategori orang/entiti berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi) CIMB, VISA Worldwide Pte. Limited, sebuah syarikat yang didaftarkan di Singapura, dengan pejabat di 30, Raffles Place, #10-00, Chevron House, Singapura 048622 (“**VISA**”) (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan masing-masing) dan Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Negeri Delaware, dengan pejabat dan tempat perniagaan utama di 2000 Purchase Street, Purchase, New York, NY 10577-2509, Amerika Syarikat (“**Mastercard**”) (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan masing-masing).
 - b. Individu di bawah umur (18) tahun.

Kaedah Penyertaan dan Syarat Kempen

5. Untuk menyertai Kempen ini, Peserta Layak mesti membuat perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) (“**Perbelanjaan Runcit Minimum**”) dalam satu resit menggunakan Kad Debit (“**Kad Debit Turut Serta**”) mereka dalam Tempoh Kempen di mana-mana gedung Tesco di seluruh negara (“**Transaksi Layak**”).
6. Transaksi Layak mesti dibuat di mana-mana gedung Tesco di seluruh negara seperti di bawah (“**Gedung Turut Serta**”):

1) TESCO @ KSL CITY	37) TESCO PENANG
2) TESCO AIR HITAM (Express)	38) TESCO PUCHONG
3) TESCO ALOR SETAR	39) TESCO PUNCAK ALAM
4) TESCO AMPANG	40) TESCO RAWANG
5) TESCO ARA DAMANSARA	41) TESCO RELAU (Express)
6) TESCO BAGAN AJAM	42) TESCO SEMENYIH
7) TESCO BAHAU	43) TESCO SERI ALAM
8) TESCO BANDAR PUCHONG	44) TESCO KOTA BAHRU
9) TESCO BDR PUTERI BANGI	45) TESCO KUALA SELANGOR
10) TESCO BDR SRI PERMAISURI (Express)	46) TESCO KULAI
11) TESCO BERTAM PERDANA	47) TESCO KULIM
12) TESCO BKT BERUNTUNG	48) TESCO LUKUT
13) TESCO BUKIT INDAH	49) TESCO MANJUNG
14) TESCO BUKIT MERTAJAM	50) TESCO MELAKA
15) TESCO DATO HARUN (Express PJCC)	51) TESCO MELAKA CHENG
16) TESCO ECO TROPICS	52) TESCO MUTIARA D'SARA
17) TESCO EXPRESS SHAH ALAM (Express)	53) TESCO MUTIARA RINI
18) TESCO EXTRA CHERAS	54) TESCO NILAI
19) TESCO EXTRA IPOH	55) TESCO PARADIGM
20) TESCO EXTRA JOHOR BAHRU	56) TESCO SERI ISKANDAR
21) TESCO EXTRA PENANG	57) TESCO SETIA ALAM
22) TESCO EXTRA PRAI	58) TESCO SETIA TROPIKA
23) TESCO EXTRA SELAYANG	59) TESCO SG PETANI
24) TESCO EXTRA SENAWANG	60) TESCO SG PETANI SELATAN
25) TESCO EXTRA SEREMBAN 2	61) TESCO SHAH ALAM
26) TESCO HYPER DESA TEBRAU	62) TESCO STARGATE
27) TESCO IOI PUTRAJAYA	63) TESCO STATION 18
28) TESCO IPOH	64) TESCO TAIPING
29) TESCO JENJARUM	65) TESCO TELUK INTAN (<i>Opening in June 2020</i>)
30) TESCO JINJANG (Express)	66) TESCO TELUK PULAI (Express)
31) TESCO JITRA	67) TESCO TG PINANG
32) TESCO KAJANG	68) TESCO USJ 10 TAIPAN (Express)
33) TESCO KAMPAR	69) TESCO WANGSA PERMAI (Express)
34) TESCO KEPONG	70) TESCO WANGSA WALK
35) TESCO KLANG	71) TESCO THE MINES (<i>Opening in June 2020</i>)
36) TESCO PARIT RAJA	

7. Tertakluk kepada terma & syarat di dalam ini, Peserta Layak yang memenuhi syarat Perbelanjaan Runcit Minimum layak untuk membeli produk terpilih di Gedung Turut Serta pada harga RM1 (**"Pembelian dengan Pembelian"**). Pembelian dengan Pembelian yang dibuat di bawah Kempen ini adalah terhad dan dihadkan kepada maksimum 500,000 produk, atas dasar siapa dahulu didahulukan.

8. Untuk mengelakkan keraguan, Peserta Layak yang memenuhi kriteria Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen tidak layak untuk membuat Pembelian Dengan Pembelian apabila had maksimum 500,000 produk telah ditebus sepenuhnya.
9. Tesco berhak untuk mengubah atau menggantikan produk yang ditawarkan untuk Pembelian dengan Pembelian tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
10. Produk Pembelian dengan Pembelian tidak boleh ditukarkan dengan produk atau ganjaran lain pada kos yang sama atau sebarang alternatif dalam apa jua keadaan.
11. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi antarabangsa dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berasaskan kadar tukaran semasa CIMB.
12. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut dikecualikan secara khusus dan tidak boleh dianggap sebagai Transaksi Layak:
 - a. Transaksi yang dibuat menggunakan mana-mana Kad Kredit/Kad Prabayar/Kad Caj;
 - b. Transaksi untuk bayaran yang dibuat menggunakan pesanan pos & Pesanan Telefon (MOTO);
 - c. Transaksi yang tidak dicatatkan, terbatal, dibatalkan atau dipulangkan kemudian, dipertikaikan, tidak sah atau berunsur penipuan;
 - d. Transaksi yang dibuat menerusi laman web Tesco – <https://eshop.tesco.com.my>;
 - e. Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh Bank.
13. Sebarang ketetapan yang dibuat oleh CIMB berhubung dengan apa yang dianggap Transaksi Layak adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dalam apa jua cara, melainkan bagi kesilapan nyata.
14. Semua Transaksi Layak akan dikesan secara automatik oleh CIMB untuk tujuan memenuhi syarat Perbelanjaan Runcit Minimum Peserta Layak. Pengesanan Transaksi Layak adalah berasaskan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia seperti yang dicatatkan oleh rekod transaksi CIMB dalam Tempoh Kempen.
15. CIMB tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kelewatan dalam catatan Transaksi Layak bagi akaun Kad Debit Turut Serta Peserta Layak dan/atau kesilapan atau ketinggalan dalam catatan Transaksi Layak atas apa jua sebab dan walau bagaimanapun timbul tetapi tidak terhad kepada kelewatan di pihak peniaga melainkan perkara tersebut berlaku kerana kecuaiannya nyata dan/atau kegagalan sengaja oleh CIMB.

Terma dan Syarat Am

16. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat dan juga memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadinya menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan wajar oleh CIMB berhubung dengan segala aspek Kempen, termasuk Hadiah yang diberikan dan penentuan Pemenang adalah mutakhir, muktamad dan mengikat.
17. Akaun Kad Debit Peserta Layak (i) MESTILAH tidak melanggar terma dan syarat yang diguna pakai bagi akaun Kad Debit Peserta Layak selain daripada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini DAN (ii) MESTILAH tidak ditamatkan atau ditutup atau dikenakan sebarang penahanan, perintah bertentangan oleh mahkamah atau pihak berwajib di bawah undang-undang, ingkar, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan

oleh CIMB dalam Tempoh Kempen dan/atau sebelum pemberian Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dibatalkan daripada menyertai Kempen ini dan Hadiah ditarik balik.

18. CIMB berhak atas budi bicara mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang didapati mengganggu proses penyertaan, atau bertindak melanggar atau mungkin melanggar Terma dan Syarat ini.
19. CIMB berhak untuk menggantikan Hadiah dengan barangan lain pada kos yang sama dan/atau melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis selama empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB tidak memberikan hak kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang untuk membuat tuntutan atau menerima pampasan daripada CIMB untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini.
20. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipan di dalam ini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kegagalan apa-apa peralatan mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian transmisi, elektrik, pertikaian perindustrian, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang bencana alam di luar kawalan CIMB atau akibat apa-apa faktor semula jadi bersifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
21. CIMB tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, tuntutan, teladan, punitif atau khas) walau bagaimanapun timbul, berhubung dengan penyertaan atau bukan penyertaan Kempen, termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS oleh Peserta Layak melainkan ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
22. CIMB berhak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang dianggap wajar. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini bersetuju bahawa CIMB berhak untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Sebarang ketidakpatuhan mungkin menyebabkan Pemenang lain dipilih.
23. CIMB berhak, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, mengubahsuai, meminda atau selainnya) ("Pindaan") mana-mana Terma dan Syarat di dalam ini. Pemberitahuan Pindaan kepada Peserta Layak akan dibuat atas budi bicara mutlak CIMB menerusi mana-mana satu daripada kaedah komunikasi berikut, iaitu paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB dan di cawangan CIMB, di mana peruntukan terperinci berkaitan Pindaan boleh disediakan dalam notis itu sendiri atau mungkin diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau dengan menyiarkan iklan berkaitan dengan Pindaan di akhbar pilihan CIMB atau menerusi sebarang kaedah pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB dan Pindaan hendaklah dianggap mengikat Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau pada tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak memperakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB dari masa ke masa untuk menyemak terma dan syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka mengikuti perkembangan terkini bagi sebarang perubahan dan pindaan kepada terma dan syarat tersebut.

24. Tiada pampasan dalam bentuk tunai atau apa-apa bentuk lain akan diberikan kepada Peserta Layak bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pindaan, perubahan, pemotongan, penambahan atau pertukaran Terma dan Syarat di dalam ini.
25. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada sebarang undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang diguna pakai dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan yang mempunyai kuasa kawal selia ke atas CIMB berhubung dengan atau yang berkenaan dengan Kempen atau mana-mana perkara di dalam ini.
26. Terma dan Syarat ini (seperti yang dipinda dari masa ke masa menurut Fasal 31 akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi pengiklanan Kempen ini. Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Pemegang Kad CIMB yang diguna pakai di samping Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini.
27. Jika terdapat sebarang ketidakseragaman, percanggahan, kesamaran atau kelainan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma dan Syarat di dalam ini, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini akan diguna pakai. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, apabila permintaan dibuat oleh Peserta Layak dan diterima dan diperakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat Pemegang Kad telah dipilih oleh Peserta Layak untuk diguna pakai ke atas pengendalian akaun Kad Debit Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
28. Setakat mana yang dibenarkan di bawah undang-undang, CIMB dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang pernyataan, waranti atau pengendorsan, sama ada tersurat atau tersirat, lisan atau bertulis, semua Hadiah dan tidak menanggung sebarang tanggungjawab terhadap Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan apa-apa aduan berhubung dengan Hadiah.
29. Hadiah-hadiah ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh peniaga yang berkenaan, di bawah terma dan syarat yang ditentukan oleh peniaga tersebut dan CIMB tidak menerima liabiliti (termasuk tanpa sebarang had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, walau bagaimanapun timbul sama ada menerusi kontrak, tort, kecuaiian atau selainnya, berhubung dengan Hadiah, walaupun jika CIMB telah dimaklumkan tentang kemungkinan ganti rugi tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut adalah dikecualikan dengan nyata.
30. Dengan mengambil atau menerima Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutunya serta para pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen yang berkenaan daripada sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, keputusan, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang dialami oleh CIMB dan sekutunya serta pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen yang berkenaan berhubung dengan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen atau penerimaan atau penggunaan Hadiah. Semua risiko, kerugian atau kerosakan yang dikaitkan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
31. Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan nombor telefon mudah alih dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat ("Butiran Hubungan") yang diberikan kepada CIMB adalah yang terkini dan hendaklah dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat apa-apa perubahan. CIMB berhak untuk menarik balik Hadiah sekiranya Butiran Hubungan Pemenang yang disimpan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini. CIMB tidak bertanggungjawab terhadap Pemenang bagi apa-apa kerugian (termasuk

kehilangan peluang atau kerugian turutan yang timbul daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Butiran Hubungan yang disimpan dalam rekod CIMB adalah bukan yang terkini atau yang betul.

32. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan CIMB melalui alamat, no. telefon dan e-mel berikut (atau alamat, telefon dan e-mel lain yang mungkin diubah oleh CIMB dengan memaklumkan kepada Peserta Layak: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Penyelesaian Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: +603 6204 7788 / E-mel: cru@cimb.com).